

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 27 RABU 6 JULAI, 1966. 1386 رابع اول دايو PERCHUMA

D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN DAN D.Y.M.M. RAJA ISTERI SELAMAT BERANGKAT KA-LONDON

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah selamat berangkat dari Brunei ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada hari Rabu yang lalu.

Baginda kedua telah berangkat dari Lapangan Terbang Berakas ka-London melalui Hong Kong pada tengah hari tersebut.

Sabelum Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri

menaikki kapal terbang, ramai para hadhirin di-Lapangan Terbang Berakas telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia.

Di-antara-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha;

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Y.B. Penulong Menteri; Ahli2 Majlis2 Mashuarat; Ketua2 Pejabat2 Kerajaan; Pegawai2 Pentadbiran dan pem besar2 negara.

Semasa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan berseayam di-luar negeri, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam memangku jawatan sa-bagai Timbalan Sultan.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara kelihatan menziarahi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-Lapangan Terbang Berakas pada hari Rabu yang lalu sabelum D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Raja Isteri berangkat ka-London.



SAMBUTAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI:

Beribu2 Orang Membanjiri Padang Besar Dan Mengambil Bahagian Dalam Perarakan

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah menyatakan betapa bangga-nya hati Yang Teramat Mulia melihat semangat yang telah di-tunjukkan oleh umat Islam di-Negeri Brunei bagi menjunjong kebesaran Nabi Mohamed s.a.w.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah melafazkan uchapan tersebut di-majlis penutup sambutan Maulud Nabi di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 Julai, 1966.

Majlis sambutan tersebut dimulai dengan Bacha'an Al-Koran oleh Dayang Aminah

binte Siling dan di-turuti dengan persembahan Nashid oleh beberapa orang murid2 perempuan di-bawah pimpinan Al-Ustadz Awang Abdul Kadir bin Awang.

Kemudian telah di-lakukan tembakan meriam sa-banyak 12 das.

Perarakan itu di-mulai dengan Bacha'an Salawat di-ke-tuai oleh Yang Di-Muliakan Pehin Siraja Khatib, Awang Haji Abdul Hamid dan di-dahului oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Maulud Negeri Brunei.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Penulong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang; Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran

Muda Dato Paduka Kemaluddin dan beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Berarak di-belakang beliau2 tersebut ia-lah Pasukan Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei; Pegawai2 serta Anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Kemudian bahan-lah di-ikuti oleh pasukan2 yang mengambil bahagian dalam peraduan perarakan ia-itu mengandungi 80 pasukan dan tidak kurang daripada 4,000 orang peserta2.

Sa-lepas pasukan2 itu berarak mengelilingi Bandar Brunei, mereka telah berkumpul sa-mula di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Yang Teramat Mulia Seri
(Lihat Muka 8)

Anak2 Yang Mempunyai Pelajaran Ia-Lah Tuan Rumah Negara

- Kata Awang Johari

BERAKAS. — Penulong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah menyampaikan hadiah2 kapada murid2 yang berjaya dalam sambutan Minggu Pelajaran Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas pada pagi hari Khamis yang lalu.

Sabelum menyampaikan hadiah2 itu, Awang Johari telah di-jemput untuk beruchap di-majlis tersebut.

Dalam uchapan Awang Johari di-majlis itu, beliau menegaskan bahawa kita semua ada-lah bertanggong jawab dalam perkembangan Pelajaran dan pendidekan yang bukan sahaja di-tumpukan dan diserahkan bulat2 kapada Guru2, tetapi para ibu-bapa serta masyarakat ada-lah juga mempunyai tanggong jawab yang sama.

Maka dengan sebab itu, kata beliau, hubungan dan kerjasama yang rapat di-antara Guru2 dan para ibu-bapa dan masyarakat umumnya, tidaklah boleh di-pisah2kan.

Selanjutnya Awang Johari berkata, "Sa-tiap negara yang berkemajuan di-dalam Dunia ini mengadakan sa-tiap tahun hari perayaan masing2 dengan riang-gembira walau pun chara perayaan itu berlainan seperti perayaan Minggu Pelajaran yang di-adakan pada tahun ini.

Tujuan besarnya Minggu Pelajaran di-adakan ia-lah untuk memberi peluang salus2nya kapada ibu-bapa dan penjaga kanak2 serta semua guluhan masyarakat untuk mengetahui lebih jelas lagi akan kemajuan atau kemunduran anak2 mereka di-dalam perskolahan-nya.

BEKERJASAMA

Dari situ nanti dapat-lah kita membinchangkan dan bekerjasama dengan Guru2 tentang kelemahan2 yang telah didapati di-kalangan anak2 mereka dalam semua lapangan pelajaran."

"Pada zaman ini," kata beliau lagi, "tidak-lah salah jika saya katakan Pelajaran itu ada-lah suatu penyukat bagi menyukat untuk mengetahui kemajuan atau kemunduran sa-sabuah negara itu, andai kata, Pelajaran itu ada-lah menyedarkan kita bagaimana pentingnya zat2 makanan kepada tuboh kita. Begitu-lah pentingnya Pelajaran, kerana dengan ketiadaan zat2 makanan, seluruh tuboh kita akan menjadi lemah."

Anak2 yang mempunyai Pelajaran itu, ia-lah TUAN RU-MAH NEGARA. Jadi nyata-

kanak2 mereka, kerana kanak2 pada hari ini ia-lah yang akan menjadi PEMIMPIN NEGERA pada masa hadapan.

Dengan alasan2 yang saya sebutkan, maka dapat-lah kita mengetahui bahawa Pelajaran bukan sahaja untuk mengembirakan kanak2 — bahkan ada-lah memperingati ibu-bapa serta ra'ayat jelata supaya mementingkan yang bertujuan untuk menggalakkan ibu-bapa memelihara dan mendidik anak2 mereka dengan sempurna."

Akhirnya Awang Johari telah menyeru dan berharap moga kanak2 sekolah akan lebih2 rajin belajar serta MEN-CHINTAI TANAH AYER yang mana Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Brunei dengan kuat keazaman memberi perhatian berat kepada pendidekan kanak2 di-Negeri Brunei Darussalam ini.

lah bahawa berapa mustahaknya anak2 kapada sa-sabuah negara itu.

PADA MASA SILAM.....

Pada masa yang silam, kebanyakkan anak2 kita tidak mempunyai Pelajaran yang sempurna dan hal sedemikian, menyebabkan sa-bilangan besar daripada anak2 hidup sengsara.

Yang demikian, para ibu-bapa atau penjaga kanak2 mestilah bertanggong jawab untuk memberi asuhan yang berguna lagi berharga kapada

BAHATH S.M. DELIMA SATU:

MURID2 PEREMPUAN MENGALAHKAN MURID2 LELAKI

BERAKAS. — Satu perbahatan yang hangat bertajok, "TINGGAL DI-DARAT LEBEH BAIK DARIPADA TINGGAL DI-KAMPONG AYER" telah di-bahathkan diantara 3 orang murid2 lelaki dengan 3 orang murid2 perempuan Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas pada pagi hari Khamis yang lalu.

Majlis perbahatan tersebut telah di-adakan di-sekolah Melayu Delima Satu, Berakas sa-bagai satu daripada achara2 sambutan Minggu Pelajaran.

Pasokan murid2 perempuan telah bertugas sa-bagai penchadang, manakala pasokan murid2 lelaki telah bertugas sa-bagai pembangkang.

Peserta2nya ada-lah seperti berikut:

PENCHADANG: 1.) Dayangku Zauyah Pengiran Damit; 2.) Dayangku Salmiah Pe-

ngiran Hashim dan 3.) Azizah Abdullah.

PEMBANGKANG: 1.) Lidi bin Mili; 2.) Awangku Mohamed Pengiran Yusof dan Musim Palu.

KEPUTUSAN: Pasokan Penchadang telah menang.

Pasokan Penchadang mendapat 181 mata dan Pasokan Pembangkang mendapat 98 mata.

Ahli2 M.M.D. Temburong Melawat Padang Minyak

SERIA. — Tujuh orang Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah melawat ka-Padang Minyak Seria baru2 ini.

Semasa lawatan tersebut, mereka telah di-bawa melihat kumpulan tangki2 minyak, telaga2 minyak dan Pusat Latihan Sharikat Minyak Shell.

PENDAFTARAN KANAK2 UNTOK BELAJAR DI-S.M.

MUHAMMAD ALAM SERIA. — Ibu-bapa dan penjaga kanak2 yang tinggal di-kawasan Seria yang ingin hendak memasukkan anak2 mereka belajar di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dalam tahun 1967, ada-lah di-ingatkan supaya mendaftarkan nama kanak2 itu dengan seberapa segera.

Hanya kanak2 yang berumur genap 6 tahun atau lebih pada 1 Januari, 1967 sahaja akan di-terima pendaftaran-an-nya.

Para ibu-bapa dan penjaga kanak2 tersebut ada-lah dima'alonkan bahawa umor kanak2 yang kurang daripada 6 tahun pada 1 Januari, 1967 tidak-lah perlu di-daftarkan.

Sijil2 Beranak atau Surat2 Sumpah yang menyatakan umor kanak2 yang berkenaan itu, MESTI-LAH di-bawa pada masa mendaftarkan nama kanak2 tersebut.

Kanak2 itu tidak-lah perlu di-bawa oleh para ibu bapa atau penjaga kanak2 pada masa di-adakan pendaftaran.

PERKHEMAHAN PENGAKAP DAERAH BELAIT

SERIA. — Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 di-Daerah Belait akan menghadiri Perkhemanan Tahunan mereka di-Sungai Tali mulai pada hari Juma'at 15 Julai hingga ka-hari Ahad 17 Julai.

Ibu-bapa Pengakap2 tersebut dan orang ramai ada-lah di-persilakan ka-Perkhemanan Pengakap di-Sungai Tali pada hari2 tersebut.

SIR NEIL PRITCHARD MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Setia Usaha Tetap di-Pejabat Perhubungan Komonwealth di-London, Sir Neil Pritchard telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama dua hari baru2 ini.

Beliau telah tinggal di-Negeri ini sa-bagai tetamu kepada Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei Yang Terutama Awang F. D. Webber.

BERLATEH DI-SINGAPURA

BERAKAS. — Pengiran Ya-cob bin Pengiran Abdul Rahman dan Awang Ahmat bin Bakar dari Jabatan Kerja Raya, telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura baru2 ini.

Mereka akan menghadiri satu kursus singkat mensejai pekerjaan2 wokshop di-Shari-kat Sime Darby di-Singapura.

BERBAKTI-LAH KAPADA NEGARA
Dengan Menggunakan
BAHASA MELAYU
SA-TIAP MASA

SAMBUTAN MAULUD DI-MUARA

PEKAN MUARA. — Penduduk di-kawasan Muara telah menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Nabi Mohamed s.a.w., dengan mengadakan satu perarakan melalui Pekan Muara pada petang hari Juma'at yang lalu.

Perayaan tersebut telah dibuka dengan rasmi-nya oleh Yang Mulia Awang Ali bin Awang Ahmad, Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi kawasan Muara bertempat di-Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Sa-lepas berarak semua pasukan yang mengambil bahagian telah berkumpul di-pekarangan Masjid Setia Ali dimana telah di-adakan Majlis Memberi Uchapan dan menyampaikan Hadiah.

Uchapan2 telah di-lafazkan oleh Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin; Kadzi Dae-rah Brunei dan Muara, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak dan oleh Setia Usaha Sambutan tersebut, Chegu Abdul Rahman bin Haji Hashim.

Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin telah menyampaikan hadiah2 kapada pasukan yang berjaya dalam perarakan tersebut.

Keputusan perarakan itu ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN KAMPONG2:

Pertama — Kampong Serasa. Kedua — Badan Kebajikan Kampong Masjid Lama. Ketiga — Kampong Sabun.

BAHAGIAN SEKOLAH2:

Pertama — Sekolah Ugama Serasa. Kedua — Sekolah Ugama Sultan Umar Ali Saifuddin, Pekan Muara. Ketiga — Sekolah Ugama Tanah Jambu.

Majlis itu di-tamatkan dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Setia Ali, Awang Abdul Aziz bin Haji Mahmud.

KEPUTUSAN PERARAKAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 80 pasukan mengandongi tidak kurang daripada 4,000 orang peserta2, telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2.

Perarakan itu telah di-bahagikan kepada lima bahagian, ia-itu (a) Bahagian2 Lelaki Dewasa Kampung2; (b) Bahagian Lelaki Dewasa Jabatan2, Persatuan2, Maktab2, Sekolah Menengah; (c) Bahagian Murid2 Perempuan2 Dewasa; (d) Bahagian Murid2 Sekolah Perempuan dan (e) Bahagian Murid2 Sekolah Lelaki.

Keputusan perarakan tersebut

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Julai, hingga ka-hari Selasa 12 Julai, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:

| Hari | Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|------|-------|--------|------|---------|------|-------|-------|-----------------|
| 6 | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 | |
| 7 | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 | |
| 8 | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 | |
| 9 | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 | |
| 10 | 12-30 | 3-51 | 6-41 | 7-52 | 4-39 | 4-54 | 6-12 | |
| 11 | 12-31 | 3-51 | 6-42 | 7-52 | 4-40 | 4-55 | 6-13 | |
| 12 | 12-31 | 3-51 | 6-42 | 7-52 | 4-40 | 4-55 | 6-13 | |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

Pemenang2 Perarakan Maulud

Di-Pekan Muara



GAMBAR ATAS: Pasukan Kampong Serasa yang telah menjadi Johan dalam Bahagian Kampong2.

GAMBAR KIRI: Pasukan Sekolah Ugamma Serasa yang telah menjadi Johan dalam Bahagian Sekolah2.

PERSATUAN2, MAK-TAB2 DAN SEKOLAH MENENGAH: Johan—Pu-lis Diraja Brunei. Naib Joha-n — Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia. Ketiga — Persatuan Angkatan Pemuda / Pemudi Kampong Sultan Lama.

(c) BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA: Johan—Maktab Perguruan Melayu Brunei. Naib Johan—Kampong Pandai Besi “B”. Ketiga—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

(d) BAHAGIAN MURID2 SEKOLAH PEREMPUAN: Johan — Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bahagian “A”. Naib Joha-n—Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bahagian “B”. Ketiga—Sekolah Ugama Perempuan Bandar Brunei, Bahagian “B”.

(e) BAHAGIAN MURID2 SEKOLAH LELAKI: Joha-n — Asrama, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Naib Joha-n—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Ketiga — Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Bandar Brunei.

DERMA KENANGAN MAULUD

BANDAR BRUNEI. — Jawatan Kuasa Derma Kenangan Maulud Nabi Negeri Brunei telah melanchar-kan jualan lenchana bagi mengutip derma tersebut.

Lenchana itu ada-lah dua jenis, ia-itu jenis kecil yang di-buat daripada kertas dan lenchana besar berbentuk bulat di-buat daripada plastik yang boleh di-pasang di-chermin kereta.

Orang ramai ada-lah di-jemput membantu tabong derma tersebut.

SAMBUTAN MAULUD

AL-HAMDULILLAH Sambutan Hari Keputeraan Junjongan kita Nabi Mohamed s.a.w., telah di-adakan di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 Julai, 1966 dengan memperolehi kejayaan yang gilang gemilang.

Kejayaan itu bukan sahaja di-perolehi dari hasil kerjasama Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dan Jawatan Kuasa Sambutan Maulud, bahkan atas kerjasama umat Islam keselurohan-nya.

Sa-bagai satu bukti kejayaan itu, beribu2 orang umat Islam dan lain2-nya telah membanjiri Padang Besar, Bandar Brunei dan jalan2 raya dalam kawasan Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu untuk mengambil bahagian dan juga menyaksikan perarakan tersebut.

Beberapa minggu sa-belum di-adakan perarakan itu, pasokan2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perarakan tersebut telah di-minta mengadakan dua barisan dalam tiap2 pasukan.

Akan tetapi, oleh kerana ramai bilangan pasukan2 yang telah mendaftarkan untuk mengambil bahagian, ia-itu mengandungi sa-banyak 80 pasukan dan tidak kurang daripada 4,000 orang, maka Jawatan Kuasa sambutan tersebut telah meminta supaya tiap2 pasukan mengadakan tiga barisan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah melafadzkan satu uchapan yang amat di-hargai di-majlis penutup sambutan tersebut.

Dalam uchapan tersebut, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyatakan betapa bangga-nya hati Yang Teramat Mulia melihat SEMANGAT yang telah di-tunjukkan oleh umat Islam di-negeri ini bagi menjunjong kebesaran Nabi Mohamed s.a.w. pada masa di-adakan sambutan Hari Keputeraan Junjongan kita Nabi Mohamed s.a.w., di-Bandar Brunei pada tahun ini.

Sa-moga kata2 yang di-lafadzkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha akan di-sanjung tinggi oleh umat Islam keselurohannya di-negara ini.

Sa-hari sa-belum di-adakan Sambutan Maulud di-Bandar Brunei, penduduk2 di-Kawasan Muara yang tidak mahu ketinggalan menyambut Hari Kebesaran tersebut, telah mengadakan satu majlis Sambutan Maulud mengandungi perarakan mengelilingi Pekan Muara dan Majlis Memberi Uchapan di-Masjid Setia Ali dengan memperolehi kejayaan.

Sa-lain daripada Sambutan2 Maulud di-Bandar Brunei dan di-Pekan Muara, Sambutan2 Maulud akan juga di-adakan di-Kuala Belait pada petang hari Sabtu 9 Julai; di-Pekan Tutong pada petang hari Juma'at 15 Julai dan di-Pekan Bangar pada pagi hari Sabtu 23 Julai.

Satu PESTA MAULUD NABI akan juga di-adakan di-Bandar Brunei dalam minggu ini, ia-itu bertempat di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam hari Khamis 7 Julai, mengandungi berbagai2 achara.

Sambutan2 sa-chara besar2an yang telah di-adakan dan yang akan di-adakan itu bagi menyambut Hari Keputeraan Junjongan Besar kita Nabi Mohamed di-seluruh negara pada tahun ini, akan membuktikan bahawa perpaduan umat Islam di-seluruh Negeri Brunei kini akan tegoh dan kukuh selagi bersinar peridaran chekerwala mata hari dan bulan.

MINGGU PELAJARAN bagi Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei yang mengandungi sa-banyak 87 buah sekolah telah selesai di-langsungkan.

Sambutan Minggu Pelajaran itu telah di-mulai pada 26 hingga 30 Jun yang baru lalu dan semua sekolah2 itu sa-chara se-rentak mengadakan sambutan tersebut dengan chara masing2 tetapi dengan satu tujuan.

Tujuan Pejabat Pelajaran mengadakan sambutan itu ia-lah:

- * Memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga2 murid untuk berkenal2an antara satu dengan yang lain serta bertukar2 fikiran mengenai pelajaran anak2 mereka.
- * Beramah - tamah dengan guru2.
- * Bertukar2 pendapat untuk memajukan dan mengatasi kemundoran pelajaran.
- * Memberi galakan kepada anak2 yang dilawati oleh ibu bapanya dan menambahkan semangat mahu belajar lebih giat lagi.
- * Untuk mengetahui sajauh manakah anak2 mereka dalam memempoh pelajarannya; dan



Gambar ini ia-lah bentuk sa-orang murid perempuan di-beri na-

MINGGU



Sa-orang bapa kelihatan turut bergembira bersama murid2 itu bermain2 di-halaman



angkatan baru' hasil karya
ng Maya dan lukisan ini
Berantai'.



Gambar ini pula menunjukkan sa-biji 'tajau' yang di-perbuat dari tanah liat.



Gambar ini menunjukkan hasil kerja sa-orang murid di-Tanjong Maya bagi mencipta sa-batang pokok yang di-perbuat dari akar kayu.

LAJARAN MEMBERIKAN FAEDAH ADA MURID2 SEKALIAN

rsekolahan.

Dari hasil tinjauan ibu bapa dan penjaga2 murid itu, maka mereka di-beri peluang pula untuk berkar2 fikiran dengan guru2 dan ibu bapa dan penjaga2 murid itu juga -beri peluang untuk mengemukakan pendapat2 mereka bagi mengasasi beberapa kesulitan yang telah terjadi demi untuk meninggikan darah persekolahan anak2 mereka.

Minggu Pelajaran itu nggoh pun di-khaskan kepada ibu bapa dan

penjaga2 murid, tetapi sanak saudara murid2 atau seluroh anggota masyarakat negeri ini telah di-beri peluang untuk mengadakan lawatan2 ka-sekolah2 yang mereka suka.

"Minggu Pelajaran ini telah mula di-adakan pada tahun 1963 tetapi pada masa sa-belumnya sambutan itu di-namakan 'Hari Ibu Bapa' yang hanya di-adakan sa-lama sa-hari sahaja. Oleh sebab masa mengadakan Hari Ibu Bapa itu hanya sa-hari, maka tentu-lah ibu bapa atau penjaga2 murid yang ada sa-suatu

hal atau kerja yang mustahak tidak dapat datang pada hari itu." Demikianlah penjelasan Awang Md. Sum bin Hashim, Nazir Kesenian Sekolah2 yang juga menjadi penge-rusi sambutan Minggu Pelajaran tersebut.

D i - t a n y a mengenai sambutan ibu bapa dan penjaga2 murid pada pertama kali-nya minggu pelajaran di-adakan, Awang Md. Sum menjelaskan bahawa sambutan mereka pada tahun 1963 belum-lah memuaskan.

"Tetapi dari sa-tahun ka-satahun mereka telah mulai beransor2 faham

tujuan Minggu Pelajaran itu dan pada masa ini pe-hak Jabatan Pelajaran sangat2 berpuas hati atas kerjasama yang telah ditunjukkan oleh ibu ba-pa.

"Telah j e l a s benar yang ibu bapa dan penjaga2 murid telah benar2 menyedari akan pentingnya pelajaran bagi anak2 mereka dan mereka telah mengemukakan pendapat2 yang menggalakkan untuk meninggikan taraf pelajaran di-negeri ini." Jelas Awang Md. Sum.

"Sebab itu-lah," kata beliau, "dari pertimbangan dan perhatian yang telah di-berikan, maka dengan tidak di-sedari perubahan demi perubahan di-lakukan di-satiap sekolah supaya mata2 pelajaran yang di-berikan kapada murid2 akan senang di-terima dengan meninggalkan kesan yang baik."

Dalam s a m b u t a n Minggu Pelajaran 1966 ini, kita telah menyaksikan berbagai2 perubahan yang telah di-chapai oleh murid2 dalam sa-suatu mata pelajaran yang diajarkan. Hampir semua mata2 pelajaran yang diajarkan telah meninggalkan kesan yang boleh di-anggap memeranjatkan juga.

Tetapi, walau bagaimana pun tidak pula menafikan ada-nya kelebihan2 dalam soal ini. Hanya bersama2-lah kita tinjau pada sambutan Minggu Pelajaran 1967.



olah Melayu Lambak ketika



Sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Senaut, Jalan Tutong.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Tetap dan yang telah menamatkan perkhidmatan-nya sebagai Kerani dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan selama sekurang2nya lima tahun untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas di-berbagai2 Jabatan.

Chalon2 yang hendak memohonkan jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan mereka kepada Setia Usaha

Kerajaan melalui Ketua2 Jabatan mereka serta mesti-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat daripada 20 Julai, 1966.

Ketua2 Jabatan, semasa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta menyatakan tugas2nya sekarang, kelakuan mereka serta kebolehan2 mereka untuk dinilai pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti juga di-hantarkan.

Tukang Masak Di-Perkhidmatan Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah dijemput daripada mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi dua jawatan kosong sebagai Tukang Masak di-Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji:

Dalam sukaan gaji \$200x5-220 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah bangsa

Melayu, berumur di-antara 30 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mess/Kantin atau di-kedai makan.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Julai, 1966.

Pembantu Perkamusen Di-Jabatan Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa dari orang2 Melayu yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan Pembantu Perkamusen di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Gaji:

Dalam sukaan gaji D 1-2-3 EB 4 \$270x15-360x20-480/EB/500x20-620.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Sekurang2nya melalui Tingkatan V Persekolahan Menengah Kerajaan, atau kelayakan yang sebanding dengan-nya;
- (b) Mahir di-dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, ada mempunyai bakat dan kechenderongan dalam hal ehwal perkamusen.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan

kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16 Julai, 1966.

Posmen

PERMOHONAN2 ada-lah dijemput daripada ra'ayat D.Y. M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 Posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.
- (b) Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukaan gaji F 2-3-4 EB 5 \$180x5-240/EB/250x10x270.

Permohonan2 mesti-lah diisi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 18 Julai, 1966.

BOLA SEPAK:

Sibu Melawan Daerah Belait Dan K.M.S.

SERIA. — Pasukan Bola Sepak Sibu, Bahagian Ketiga Sarawak telah melawat ka-Negeri Brunei dalam bulan Jun yang lalu. Sesama lawatan tersebut, pasukan itu telah mengadakan perlawan2 bola sepak sa-chara persahabatan dengan Pasukan Daerah Belait dan Pasukan Klab Melayu Shell.

Perlawaan bola sepak yang pertama itu telah di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Seria pada petang hari Ahad 26 Jun.

KEPUTUSAN

Dalam perlawaan tersebut, Pasukan Sibu telah mengalahkan Pasukan Daerah Belait dengan enam gol berbalas tiga.

Pada masa rehat kedua2 pasukan telah seri. Pasukan Daerah Belait, ia-itu mengandungi pemain2 yang di-pileh dari Seria dan Kuala Belait, telah memperolehi dua gol dan begitu juga pasukan para pelawat itu memperolehi dua gol.

Sa-lepas berehat, Pasukan Daerah Belait telah mendapat satu gol lagi dan Pasukan Sibu mendapat tiga gol lagi.

Sejak perlawaan di-mulakan hingga-lah tamat perlawaan itu, pemain2 Pasukan Daerah Belait dan Pasukan Sibu telah bermain dengan bersunggoh2 untuk memperolehi kemenangan kapada pa-sokan masing2.

Penjaring2 gol bagi kedua2 pasukan ada-lah seperti berikut:

Pasukan Daerah Belait: Ali Talip menjaringkan dua gol dan Vim Bahadur, sa-orang daripada dua orang pemain2 dari Pasukan Tentara Gurkha, telah menjaringkan satu gol.

Pasukan Sibu: Yusuf Abu Nawas menjaringkan empat gol dan Fadil Bustamam menjaringkan dua gol.

Pengadil-nya ia-lah Awang R. G. Clark.

Pada malam hari Isnin 27 Jun, Pasukan Sibu telah bertemu dengan Pasukan Klab Melayu Shell, bertempat di-Padang Besar, Kuala Belait dibawah sinaran lampu elektrik.

Dalam perlawaan tersebut, Pasukan Sibu telah mengalahkan Pasukan Klab Melayu Shell dengan tiga gol berbalas dua.

Kadir Yusof dan Su'ut telah menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pehak Pasukan Klab Melayu Shell.

Ali Bema, Willy Chin dan Majid Haji Bohari telah menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pehak Pasukan Sibu.

JADUAL PERLAWANAN2 BOLA SEPAK

BANDAR BRUNEI DAN DI-DAERAH BELAIT

BANDAR BRUNEI. — Jadual Perlawan2 Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei mulai pada hari ini hingga ka-hari Selasa hadapan adalah seperti berikut:

- 6 Julai: Sungai Kedayan melawan Perkasa. Penjaga tepi — Sultan Lama "A".
- 7 Julai: Belia Sengkurong melawan Sungai Kebun. Penjaga tepi — Burong Pingai.
- 8 Julai: 3 PKA melawan Sultan Lama "B". Penjaga tepi — Perkasa.
- 9 Julai: Sumbiling "B" melawan Sukarela Tutong. Penjaga tepi — Belia Berakas.
- 11 Julai: Sultan Lama "A" melawan Perkasa. Penjaga tepi — Sumbiling "A".
- 12 Julai: Sungai Kedayan melawan Kubu. Penjaga tepi — Burong Pingai.

Perlawaan bola sepak tersebut ada-lah di-kelolakan oleh

Ada-lah di-fahamkan baha-wa sa-belum melawat ka-Nege ri Brunei, Pasukan Bola Sepak Sibu itu telah mengalahkan Pasukan Miri dalam Perlawaan Bola Sepak Kejohanan Seluruh Negeri Sarawak, Ba-hagian Separoh Akhir, dengan 9 gol berbalas 3.

Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling, Bandar Brunei.

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawan2 Bola Sepak League Daerah Belait, di-bawah anjoran B.D.A.F.L. bagi pu-singan pertama ada-lah saperti berikut:

- 9 JULAI**
- (a) J.K.R. "A" melawan Klab Melayu Shell "B". Padang — Panaga. Pengadil — Pengiran Besar.
- (b) Pulis Diraja melawan Pa-sokan Bekas Penuntut2 Sekolah St. Michael. Padang — K.B.R.C. Pengadil — Salleh Samat.
- (c) Klab Melayu Shell "A" melawan J.K.R. "B". Padang — Marina. Pengadil — R. G. Clark.

12 JULAI

- (a) Panaga melawan Klab Melayu Shell "B". Padang — Arina. Pengadil — R. G. Clark.
- (b) Klab Dayak Shell melawan Maktab Anthony Abell. Padang — K.B.R.C. Pengadil — Salleh Samat.
- (c) Pasukan 2/6 Gurkha me-lawan Sekolah Saint Mi-chael. Padang — Marina. Pengadil — A.K.M. Salim.

JAWATAN KOSONG:**JURURAWAT TERLATEH**

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada jururawat2 yang berkelayakan bagi memenuhi beberapa jawatan sebagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mendapat latehan dan lulus dalam bidang kejururawatan 'am dari sa-buah Sekolah Latehan yang di-akui.

Gaji:

Dalam sukan D3 \$380x 20-480 sa-bulan.

Pemohon2 yang berjaya akan di-kehendaki menghantar sijil kesehatan tuboh badan.

Sharat2 Lantekan:

Sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Lantekan isteri2 pegawai Kerajaan Brunei ia-lah sechara sa-bulan ka-sa-bulan.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipohonkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Julai, 1966.



Dalam gambar ini kelihatan di-antara orang2 dewasa dan kanak2 yang menyaksikan perarakan Maulud Nabi di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Perlawanan Sa-paroh Akhir Kriket**Bagi Merebutkan Perisai Davidson:****BRUNEI MENGAJALAHKAN SARAWAK**

SERIA. — Negeri Brunei telah mengalahkan Negeri Sarawak dalam Perlawanan Sa-paroh Akhir Kriket bagi merebutkan Perisai Davidson pada tahun ini.

Perlawanan tersebut telah di-adakan di-Padang Klab Panaga, Seria selama dua hari, ia-itu pada hari Sabtu dan Ahad yang lalu.

Dalam perlawanan kriket itu, Negeri Brunei telah mendapat sa-jumlah 306 mata dan Sarawak telah mendapat 196 mata.

Pada hari pertama Brunei telah mendapt 111 mata dan 195 mata lagi telah di-perolehi pada hari kedua.

Sarawak pula telah mendapat 123 mata pada hari pertama dan 73 mata pada hari kedua.

Dengan kemenangan tersebut, Negeri Brunei akan melawan Sabah untuk merebutkan gelaran Kejohanan Kriket bagi Seluroh Borneo pada tahun ini.

Bagaimana pun, pada masa membuat berita ini, tarikh dan tempat perlawanan akhir itu, belum-lah di-tetapkan lagi.

CHATETAN: Sabah menjadi Johan dalam Perlawanan Kriket bagi Seluroh Borneo pada tahun 1965.

Keputusan Perlawanan Bola Sepak Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Keputusan Perlawanan Bola Sepak League Daerah Belait bagi pusingan pertama hingga ka-minggu yang lalu ada-lah saperti berikut:

| Pasukan | Kali | | | | Jumlah Mata |
|-----------------------|---------|--------|------|-------|-------------|
| | Bermain | Menang | Seri | Kalah | |
| 2/6 Gurkha Rifles | 4 | 4 | 0 | 0 | 8 |
| J.K.R. "B" | 5 | 4 | 1 | 0 | 8 |
| K.B.R.C. | 5 | 3 | 1 | 1 | 7 |
| Sekolah St. Michael | 6 | 3 | 3 | 0 | 6 |
| Klab Melayu Shell "A" | 3 | 2 | 0 | 1 | 5 |
| Panaga | 4 | 2 | 2 | 0 | 4 |
| Maktab Anthony Abell | 4 | 2 | 2 | 0 | 4 |
| Bekas Penuntut2 | | | | | |
| Sekolah St. Michael | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 |
| Pulis Diraja | 4 | 1 | 3 | 0 | 2 |
| J.K.R. "A" | 5 | 1 | 4 | 0 | 2 |
| Klab Melayu Shell "B" | 5 | 1 | 4 | 0 | 2 |
| Klab Dayak Shell | 4 | 0 | 4 | 0 | 0 |

Pegawai2 Dan Wader2 Pusat Tahanan Berakas Menyambut Maulud Sa-chara Besar2an

BERAKAS. — Ramai para jemputan dan lain2nya telah hadir di-Majlis Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., yang telah di-adakan oleh Pegawai2 Warder dan Wader2 Pusat Tahanan Berakas, Brunei di-kawasan tempat tinggal Pegawai2 Warder dan Wader2 itu di-Jalan Berakas pada malam Ahad yang lalu.

Berbagai2 achara telah di-adakan di-majlis itu. Di-antara-nya ia-lah uchapan2 oleh Pengurus Majlis Sambutan tersebut, Tuan Haji Baksin; oleh Tuan Haji Abdul Rahman dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dan oleh Ustadz Abdul Latiff bin Haji Hashim, selaku wakil Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia, di-Brunei.

Kemunchak dari achara2 yang telah di-adakan di-majlis tersebut ia-lah satu Sharahan Khas mengenai Maulud Nabi Mohammed yang telah di-lafadzkan oleh Al-Ustadz Ahmad Sonhaji dari Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Bandar Brunei.

Bachaan2 Al-Koran telah di-perdengarkan oleh Al-Ustadz Haji Khalidi dan Al-Ustadz Salleh Abdul Karim, manakala Al-Ustadz Awang Abdul Kadir bin Awang serta beberapa orang yang lain telah berkhasidah dan bernashid di-majlis tersebut.

Para hadirin telah menikmati jamuan nasi minyak sa-lepas di-adakan Bachaan Do'a Selamat dan telah bersurau hampir2 tengah malam.

o: :o: :o

Ranchangan Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Ranchangan lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei, ia-itu mengandungi Sharahan Ugama dan tayangan wayang gambar bagi bulan Julai ada-lah saperti dibawah ini:

- 8 Julai: Kampong Panchor Murai.
- 9 Julai: Kampong Delima Dua.
- 12 Julai: Kampong Masin.
- 13 Julai: Sekolah Melayu Datu Gandi.
- 15 Julai: Kampong Menunggol dan Pekan Tutong.
- 16 Julai: Kampong Piasau2, Temburong.

18 Julai: Kampong Sinaut, Tutong di-rumah Awang Haji Tahir bin Haji Ali.

20 Julai: Kampong Penapar, Tutong.

25 Julai: Kampong Kapok, Muara di-rumah Awang Haji Mina.

26 Julai: Kampong Sungai Kedayan.

27 Julai: Kampong Sungai Pandan di-rumah Awang Haji Bakar bin Awang Rendah.

29 Julai: Sekolah Melayu Kriam, Tutong.

Tiap2 majlis tersebut di-mulai pada jam 7.30 malam. Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis2 itu.

Penyakit Malaria Dapat Di-Hapuskan Di-Negeri Brunei Menjelang Tahun 1970

BANDAR BRUNEI. — Doktor Yao Tsing Wu, Ketua Ranchangan Penghapusan Malaria Negeri Brunei berkata bahawa penyakit Malaria akan dapat di-hapuskan di-Negeri Brunei, menjelang tahun 1970 sa-kira-nya penduduk2 di-kawasan2 pendalam meneruskan kerjasama mereka dengan Bahagian Penghapusan Malaria dalam usaha-nya untuk menghapuskan penyakit itu dari negeri ini.

Ketika menerangkan berkenaan dengan kemajuan yang telah di-chapai oleh Bahagian Penghapusan Malaria itu dalam masa lima bulan yang lalu, Doktor Wu berkata bahawa peringkat pertama kempen itu yang telah di-jalankan di seluruh negeri ini telah pun dilaksanakan dalam minggu yang lalu.

Pekerjaan2 yang telah dijalankan itu ia-lah sa-chara menyebor ubat D.D.T. pemerkasaan orang2 yang di-shakki mengidap penyakit itu dan menjalankan pengkajian terhadap jenis2 nyamok.

KERJASAMA

Doktor Wu berkata kejayaan yang telah dapat di-laksanakan oleh jabatan-nya itu, ia-lah hasil dari kerjasama yang baik dari kalangan penduduk2 di-kawasan2 pendalam.

Penduduk2 kampong pada masa ini sudah pun mengetahui mengenai marabahaya yang di-perolehi dari penyakit malaria, yang Bahagian Penghapusan Malaria itu telah berusaha dengan bersunggoh2 untuk menghapuskan-nya, kata Doktor Wu.

Dalam masa lima bulan yang lalu, kata beliau, 22 orang telah di-sahkan mengidap penyakit Malaria. Kesemua-nya itu pada masa ini di-rawat di-rumah mereka sendiri.

Dalam tahun lalu 126 orang telah di-sahkan mengidap penyakit Malaria dalam negeri ini dan dalam masa itu Pasukan2 Menchegah Penyakit Ma-

Menghadiri Kursus Pemulehan Di-Bunut

BUNUT. — Seramai 19 orang tahanan dari Pusat Tahanan Berakas telah di-pindahkan ke-Pusat Pemulehan Bunut pada petang hari Isnin 4 Julai, 1966 untuk menghadiri satu kursus pemulehan.

Mereka akan menghadiri kursus pemulehan itu sa-lama 2 bulan dan akan di-bebaskan pada 4 September, 1966.

PERUBAHAN DAN ULANGKAJI NAMA PENGUNDI2 DALAM BUKU DAFTAR PILEHAN2 RAYA DI-MULAKAN MINGGU HADAPAN

BANDAR BRUNEI. — Perubahan dan ulangkaji ka-atas nama dalam Buku Daftar Pilehan Raya bagi Pilehan2 Raya Majlis2 Mashuarat Negeri dan Daerah akan di-adakan selama satu bulan mulai dari 12 Julai.

Dalam masa itu, rombongan pendaftaran akan melawat kampong2 di-seluroh negara untuk menjalankan kerja2-nya.

Perubahan dan ulangkaji itu akan membolehkan mereka yang telah layak dan berhak mengundi sejak ulangkaji lalu akan di-daftarkan dalam senarai nama2 mereka yang akan mengundi.

Ulangkaji itu akan juga membolehkan sa-orang pengundi yang berdaftar supaya menukar pendaftaran-nya kapada kawasan pendaftaran yang lain berikut dengan perubahan alamat.

Pengerusi Surohanjaya Pilehan Raya, Yang Berhormat

Pengiran Dato Setia Haji Abu Bakar berkata bahawa permohonan2 untuk pendaftaran hendak-lah di-buat kapada Pegawai Pendaftar atau pun Penulung Pegawai Pendaftar.

Pemohon2 tersebut mestilah telah chukup umur 21 tahun pada 11 Julai.

Pemohon2 yang berhak di-daftarkan akan di-kehendaki menunjukkan kad pengenalan mereka untuk di-lihat oleh Pegawai Pendaftaran.

Dalam masa ulangkaji itu, langkah2 akan di-ambil untuk menchattatkan dalam Buku Daftar Pilehan Raya, angka2 kad pengenalan pengundi2 tersebut.

Untuk membolehkan kerja2 itu di-jalankan, maka mereka yang telah di-daftarkan hendak-lah menghadirkan diri mereka kepada Pegawai Pendaftaran dan menunjukkan kad pengenalan masing2.

SAMBUTAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI

(Dari Mukta 1)

Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyeru umat Islam seluruhnya supaya memupok semangat yang telah di-tunjukkan oleh mereka itu dan janganlah hendaknya terjadi sa-bagaimana ibarat, "musim buah yang ketika sampai musimnya di-ingati dan ketika bukan musimnya tertinggal begitu sahaja dalam hidup yang meranting."

Dalam menempoh hidup di-dunia ini, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah mengingatkan ra'ayat negeri ini supaya berusaha untuk dunia sa-olah2 kita hidup sa-lama2-nya dan menuntut ilmu akhirat sa-olah2 kita muhi mati esok hari.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei,

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, selaku Pengerusi Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., berkata semasa beruchap di-majlis tersebut bahawa beliau mempunyai harapan mog2 perarakkan yang telah di-adakan pada hari tersebut bagi menyambut Maulud akan membawa erti yang maha besar kapada chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan ia-itu bersatu padu dan mendukung Ugama Rasmi Negara, ia-itu Ugama Islam.

Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin telah mela-fadzan satu uchapan khas

mengenai Maulud di-majlis tersebut.

Awang Haji Mohamed Zain juga telah memberikan satu nasehat yang berfaedah kepada para ibu-bapa berkenaan dengan pendidekan anak2 mereka.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kapada pasokan2 yang menang dan juga sijil kapada tiap2 pasokan yang mengambil bahagian.

Sambutan tersebut di-akhiri dengan Bacha'an Do'a Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Awang Tamim bin Abdul Hamid.


Keputusan perarakkan Sambutan Maulud di-Bandar Brunei ada-lah di-siarkan di-muka 3.



Ini-lah satu pemandangan di-Padang Besar, Bandar Brunei sa-bbelum di-mulakan perarakkan Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., pada petang hari Sabtu 2 Julai, 1966.

GAMBAR2 SAMBUTAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha (bilangan ketiga dari kiri) kelihatan semasa diadakan Bachaan Do'a Selamat sa-bagai menandakan tamatnya Sambutan Maulud di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.



Pasukan Sekolah Menengah Arab
Hassanal Bolkiah, Pemenang
Ketiga dalam Bahagian Murid2
Sekolah Lelaki.

Naib Johan Bahagian Murid2
Sekolah Lelaki, Maktab Sultan
Omar Ali Saifuddin kelihatan
berarak melalui Jalan Chevalier.



GAMBAR2 SAMBUTAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI



Pasukan Gabongan Kampong2 Telanai, Mediwa, Bengkurong dan Tasek Meradun yang telah menjadi Johan dalam Perarakan Bahagian Lelaki Dewasa Kampong2.



Johan Bahagian Murid2 Sekolah Perempuan, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Bahagian "A" kelihatan semasa berarak.



Pasukan Kampong Sumbiling kelihatan berarak melalui hadapan Masjid Omar Ali Saifuddin.